

11/10/1999

Usaha memerangi fitnah diberi perhatian serius

Jamhariah Jaafar

SELEPAS sekian lama menelan pelbagai fitnah dan tohmahan daripada parti pembangkang, Umno akhirnya mengakui keperluan betapa tindakan bersifat pengecut seperti 'lempar batu sembunyi tangan' yang dilancarkan pembangkang terutama melalui Internet perlu dibanteras habis-habisan.

Kehebatan pembangkang menggunakan Internet untuk menabur fitnah terhadap barisan kepimpinan negara memang sukar dibendung kerana komputer yang dicipta sudah menghapuskan sebarang sempadan dunia dan bergerak atas nama kebebasan mutlak.

Maka wujudlah fitnah oleh golongan yang pengecut. Jika satu masa dahulu surat layang menjadi senjata, kali ini gerakan mereka lebih mantap kerana laman web Internet bukan saja dapat menyembunyikan identiti mereka, malah fitnah semakin luas disebar tanpa sebarang sekatan.

Mengikut kenyataan Presiden merangkap Ketua Eksekutif Mimos Berhad (Mimos), Tengku Datuk Azzman Shariffadeen, hampir 50 hingga 80 peratus bahan yang ditulis di dalam Internet membabitkan fitnah ke atas kerajaan dan pemimpin negara terutamanya isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Maklumat yang disebar adalah tidak benar dan hanya khabar angin untuk mempengaruhi golongan tertentu.

Bagaimanapun, katanya, tiada sekatan atau tapisan dikenakan kepada pengunjung Internet dan pengguna e-mel di negara ini atas dasar kebebasan tanpa sempadan yang sepatutnya diberi kepada pengguna Internet.

Mimos sendiri tidak mengawal sistem itu disebabkan terlalu banyak pengunjung memasuki laman web berkenaan pada masa tertentu. Malah, Mimos turut memberi jaminan tidak akan mengganggu e-mel pengguna tanpa sebab khusus, tetapi akan membantu mendisiplinkan pengguna.

"Kami hanya akan melakukannya (sekatan) jika ada permintaan...kadang-kadang dari pihak berkuasa. Permintaan itu perlu diiringi surat rasmi dan bukti seperti 'header' e-mel," kata Tengku Azzman.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, berkata setakat ini kementeriannya tidak pernah membuat sebarang aduan rasmi meminta Mimos menyekat mana-mana laman web yang menyebarkan fitnah terhadap kerajaan.

"Inilah Internet. Apabila kita membenarkan penggunaannya di Malaysia bermakna kita perlu menghormati peraturan antarabangsa untuk mewujudkan dunia tanpa sempadan.

"Kita juga tidak dapat mengambil sebarang tindakan terhadap penyebar fitnah, kerana seperti juga surat layang, sukar mengenal pasti identiti penyebarannya," katanya.

Bagaimanapun beliau menegaskan, polis sedang mengawasi keadaan dan kemungkinan pernah menerima aduan rasmi daripada individu, tetapi proses untuk mengambil tindakan kadang kala mengambil masa sebelum ia diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan terakhir.

"Kita akan meminta pihak polis mempercepat siasatan di mana boleh," katanya.

Justeru, menyedari usaha untuk menangani fitnah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, kelmarin melancarkan kempen besar-besaran memerangi fitnah dan pembohongan. Kempen itu akan berterusan sehingga tarikh pilihan raya ditetapkan. Ia akan diadakan dalam pelbagai bentuk termasuk ucapan penjelasan, penyebaran risalah dan kursus.

Antara fitnah paling besar dilakukan pembangkang ialah menuduh kerajaan meracun Anwar, sedangkan pemeriksaan membuktikan sebaliknya; adanya konspirasi untuk menjatuhkan Anwar; pemimpin Umno sebagai pencetus tragedi

berdarah 13 Mei, 1969; dan dakwaan ada pemimpin negara yang mempunyai simpanan berjuta-juta ringgit di luar negara termasuk Bank Israel.

Muncul juga fitnah mengenai adanya pertemuan sulit di antara Azmi sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Datuk Ahmad Zaki dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai di Bangkok, baru-baru ini. Hakikat sebenarnya ialah ketiga-tiga mereka menghadiri majlis perasmian International Law Enforcement Academy di sana.

Ahmad Zaki berkata, semua fitnah yang ditabur terutama terhadap BPR membabitkan dakwaan pelbagai isu rasuah. Ia 100 peratus palsu.

"Semua fitnah ini adalah usaha untuk merendah-rendahkan imej BPR dan menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap BPR. Budaya memfitnah oleh sesetengah pihak hari ini boleh dianggap sudah mencapai satu tahap bahaya," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Mengikut laporan Jawatankuasa Menangani Fitnah Majlis Tertinggi Umno, jumlah artikel berunsur fitnah, propaganda dan hasutan terhadap kerajaan yang dikesan sepanjang September lalu meningkat 213 artikel berbanding hanya 170 artikel sebelum ini.

Setakat ini, sejumlah 40 laman web yang mengutuk serta menyebarkan pelbagai fitnah terhadap kerajaan dikesan oleh jawatankuasa berkenaan.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, badan yang bertanggungjawab menentukan dasar kebangsaan industri Internet, turut memandang serius mengenai penyebaran yang tidak bertanggungjawab itu dan berkata tindakan boleh diambil mengikut Akta Multimedia dan Komunikasi 1998, sekiranya ada aduan.

Menurut suruhanjaya itu, walaupun tiada peruntukan khusus bagi menangani tohmahan mengikut akta itu, seksyen 211 menegaskan adalah menjadi kesalahan jika seseorang individu itu menyiarkan kandungan yang dianggap tidak sesuai, lucuk, membahayakan bagi tujuan menyakiti atau mengancam orang lain.

Walaupun mempunyai pelbagai cara dan undang-undang untuk menangani penyebaran fitnah itu, Perdana Menteri menyedari ia tidak mampu untuk meyakinkan rakyat Malaysia yang setiap hari dihidangkan dengan pelbagai isu yang menarik dan sensasi oleh pembangkang.

Seperti kata Josef Goebbels, pakar propaganda pada zaman pemerintahan Hitler, pembohongan jika terus-terusan diulang, akhirnya akan diterima orang ramai sebagai sesuatu yang benar.

Justeru, ternyata arahan Dr Mahathir supaya semua pemimpin Umno memerangi sendiri fitnah dengan turun sendiri ke padang memberi penjelasan, adalah cara terbaik untuk menjirus api fitnah oleh pembangkang.

(END)